

Siasat bacaan imam solat tarawih

JAIpk akan buat teguran sekiranya tidak menepati hukum tajwid

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Jabatan Agama Islam Perak (JAIpk) akan membuat siasatan lanjut berhubung bacaan imam dalam solat tarawih di sebuah masjid di negeri ini seperti mana video tular di media sosial pada Ahad.

Pengarah JAIpk, Harith Fadzillah Abdul Halim berkata, tindakan lanjut termasuk teguran akan diberikan sekiranya didapati bacaan berkenaan tidak menepati hukum tajwid.

"Setakat ini belum ada lapor-



Tangkap layar perkongsian video memaparkan sekumpulan jemaah menunaikan solat tarawih di sebuah masjid di Perak.

an dibuat, namun sekiranya kami dapat bacaan imam tidak menepati hukum tajwid, maka teguran akan diberikan kepada pihak berkenaan," katanya kepada pemberita pada Isnin.

Video berdurasi 1 minit 29 saat itu dimuat naik di laman Twitter sejak Jumaat menunjukkan sekumpulan jemaah me-

nunaikan solat tarawih di sebuah masjid di Perak.

Keadaan itu menjadi pertikal-an orang ramai apabila solat lapan rakaat itu didirikan dengan cepat dan hanya selesai dalam tempoh 10 minit dengan beberapa warganet meninggalkan komen bahawa masjid yang dimaksudkan itu terletak di Talping,